

>> Petinju Kelab Muay Thai Kemahang Ahmad Saifullah Abdul Aziz dinobatkan peserta terbaik Kejohanan Muay Kebangsaan di Stadium Sultan Muhammad IV, malam tadi.

1. BARISAN guru dan pemain pasukan bola baling SK Pulau Indah menyertai Kejohanan Bola Baling MSSD Klang 2016.



2. PASUKAN SKMK FC (Kolej Matrikulasi Kedah) berentap dalam aksi bola sepak persahabatan di padang sintetik Simpang 4, baru-baru ini.



3. KEJOHANAN Ping Pong Berpasukan Pangkalan Hulu 2016 berlangsung di Dewan Serbaguna Tokong Cina, Pangkalan Hulu.

4. PASUKAN Jebat muncul juara Kejohanan Futsal Tertutup Aims Global Holding di Kuala Terengganu.

5. PASUKAN Fakulti Pertanian UPM mengadakan perlawanan persahabatan dengan Kelab Bowling Care Cool untuk persediaan Sukan PTJ UPM 2016.



AKSI SETEMPAT

Arena mengalu-alukan sebarang aktiviti sukan untuk disiarkan di akhbar ini. Gambar serta keterangan ringkas boleh dihantar ke lensa_arena@hmetro.com.my

